

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98**

September 1997

PGT 461 - UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN SEKOLAH

Masa : [3 jam]

**Pilih dan jawab EMPAT (4) soalan sahaja
Setiap soalan diberikan 25 markah**

1. Sejauh manakah kaedah-kaedah persatuan Ibu bapa Guru (PIBG) 1973 seperti yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 di bawah P.U(A) 146 dilaksanakan di sekolah dengan berkesan. Beri contoh-contoh yang bersesuaian untuk menguatkan hujjah anda.
2. Apakah yang dimaksudkan dengan bantuan Per Kapita (Per Capita Grant-PCG). Jelaskan peraturan-peraturan yang digunakan untuk sekolah-sekolah membuat tuntutan tersebut.
3. Jelaskan maksud peraturan-peraturan kursus pengajian yang digunakan dalam Akta Pelajaran 1961. Bagaimanakah peraturan-peraturan dilaksanakan di sekolah-sekolah dengan pindaan dan perubahan sebelum dan selepas KBSM.
4. Huraikan EMPAT (4) daripada perkara berikut yang terdapat di dalam Perintah Am Bab A.
 - a. Syarat-syarat Am lantikan Pegawai dalam Perkhidmatan Awam.
 - b. Tempoh Percubaan.
 - c. Lanjutan Tempoh Percubaan
 - d. Pengesahan Lantikan
 - e. Pengesahan Dalam Jawatan.
5. Sejauh manakah Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1966 berjaya meningkatkan martabat Bahasa Kebangsaan di Institusi Pendidikan di negara ini. Sila komen dengan memberi contoh-contoh yang konkret.
6. Huraikan peraturan-peraturan mengenai pendaftaran sekolah, guru dan murid. Sejauh manakah peraturan-peraturan tersebut diamalkan di sekolah-sekolah.

ooooooo

